



**PETER CHIN PENG KONG**

## **TURUT MENJADI LILIN**

*Oleh: Norhashimah Hashim*

DENAI-DENAI yang telah dilalui untuk menuju ke destinasi cita-citanya berliku-liku serta penuh dengan onak dan duri. Namun, dia tidak pernah kenal erti putus asa. Dia terus melangkah dan melangkah dengan berhati-hati, tabah dan sabar. Hasilnya, semua halangan dapat dilepasi dengan bijaksana. Hari ini, Peter Chin Peng Kong sudah boleh menghela nafas dengan penuh kepuasan.

Peter Chin yang dilahirkan pada 3 Ogos 1942 di Pulau Pinang mungkin tidak mengerti penderitaan yang sedang mencengkam orang-orang di sekelilingnya ketika itu. Begitupun, anak yang masih merah ini telah menerima bahana akibat kekejaman Jepun di

Tanah Melayu. Keluarganya yang tinggal di Bandar terpaksa meminggir ke kampung setelah rumah mereka dibakar oleh tentera Jepun. Makanan yang tidak cukup dari segi kuantiti dan kualitinya menyebabkan tercetusnya berbagai wabak penyakit. Sewaktu berusia tiga tahun, Peter telah diserang demam campak yang teruk sehingga meragut deria penglihatannya.

Kecacatan Peter secara tiba-tiba ini membingungkan keluarganya. Mereka tidak tahu apa yang harus dilakukan dengan anak kecil ini. Entah macam mana, nenek Peter terdengar berita mengenai St. Nicholas. Lalu, anak ini telah dihantar ke sana.

St. Nicholas ketika itu berperanan sebagai sebuah institusi kebajikan semata-mata. Penghuni-penghuni di situ rata-ratanya terdiri daripada mereka yang cacat penglihatan. Konsep yang diamalkan ketika itu ialah kakak-kakak menjaga adik-adik.

Peter merupakan penghuni yang paling kecil. Dia amat akrab dengan Mary Poon yang juga merupakan seorang yang cacat penglihatan. Mary telah banyak mengasuh dan mendidiknya. Sebagaimana penghuni-penghuni lain, Peter telah diajar asas-asas membaca, menulis dan mengira dengan menggunakan huruf Braille.

Arah tuju St. Nicholas mula berubah dengan kedatangan Cik Kelly dari England pada tahun 1952. Guru terlatih yang berwawasan ini mula menitikberatkan pendidikan formal meski keadaan di St. Nicholas belum bersedia untuk menerima perubahan yang

dibawanya. Belum terdapat guru terlatih selain daripada dirinya. Kemudahan yang sedia ada juga masih jauh dari mencukupi.

Salah seorang guru sementara ketika itu ialah Cikgu Mar Mahkoh yang berasal dari negara China. Bagi memantapkan lagi system pengajaran dan pembelajaran di St. Nicholas, Cikgu Kelly telah menganjurkan Cikgu Mar menduduki peperiksaan Senior Cambridge. Setelah lulus, Cikgu Mar mengikuti kursus perguruan pada setiap hujung minggu sehingga menjadi guru terlatih.

Peter amat menghormati Cikgu Mar yang tegas itu. Cikgu Mar yang turut kehilangan indera melihat telah secara tidak langsung menyemai benih cita-cita untuk menjadi seorang guru dalam jiwa Peter. Kalau dia boleh, kenapa aku tidak? Peter sering mencabar dirinya sendiri.

Setelah menamatkan pengajian di sekolah rendah, Cikgu Kelly merasakan kerugian yang amat sangat jika Peter dan beberapa orang rakannya tidak dapat melanjutkan pengajian mereka ke sekolah menengah. Malangnya prasarana di St. Nicholas terlalu daif untuk memenuhi hasrat murni Cikgu Kelly. Lalu, guru itu telah berunding dengan pihak pentadbir Sekolah Penang Free dan Sekolah St. George agar dapat menerima Peter dan tiga orang rakannya.

Oleh kerana ini merupakan percubaan pertama, Peter dan rakan-rakan senasibnya terpaksa berdepan dengan berbagai masalah. Masalah yang paling kronik ialah tidak ada

buku teks Braille. Selain itu, mereka juga terpaksa bergelut dengan sikap negatif guruguru dan rakan-rakan mereka yang sempurna anggota. Dalam pada itupun, Peter Chin masih berupaya menduduki dan lulus peperiksaan Lower Certificate Of Education.

Biasanya, setelah berumur 16 tahun, penghuni St. Nicholas akan dihantar ke Pusat Latihan Gurney di Kuala Lumpur bagi mengikuti latihan vokasional. Bagaimanapun, Cikgu Inge yang telah menggantikan tempat Cikgu Kelly merasakan Peter harus melanjutkan pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi. Lantas, dia telah berjaya mendapatkan satu kumpulan gereja iaitu The Guild Service To The Blind untuk membiayai pengajian Peter di Adelaide, Australia.

Maka, bermulalah era baru dalam hidup Peter. Sebelum ini, pergaulannya cuma terbatas dalam lingkungan orang-orang cacat penglihatan di St. Nicholas. Kini, dia dikelilingi oleh orang asing yang sempurna pancaindera di sebuah negara asing yang tidak pernah termimpi akan dijejaknya. Namun, Peter tidak mensia-siakan peluang yang datang bergolek itu.

Dengan cecal, dia mengharungi suka duka sebagai seorang penuntut menengah atas dan sebagai seorang mahasiswa di Universiti Adelaide. Setelah memperoleh ijazah pertamanya, dia mengikuti kursus diploma pendidikan pula selama setahun.

Sewaktu di Australia inilah baru Peter berkesempatan menulis dengan menggunakan Perkins Brailleur. Semasa di tanahair, dia hanya menggunakan “pocket

frame” atau “writing board” sahaja. Kedua-dua alat ini memang ringan dan mudah dibawa ke mana-mana. Tapi, proses penulisan dengan menggunakan kedua-dua alat tersebut memakan masa; tidak seperti Perkins Brailleur yang membolehkan penggunanya menulis dengan jauh lebih cepat.

Di sana juga Peter mula belajar menggunakan mesin taip biasa. Dia terpaksa menaip sendiri tugas yang diberi oleh guru dan pensyarahnya lantaran sudah tidak ada guru untuk membantu menulispindah kerja-kerjanya.

Peter menimba ilmu dan pengalaman di Adelaide dari tahun 1960 hingga 1967. Dalam tempoh itu, dia tidak berkesempatan untuk pulang ke tanah air. Betapa dia terpaksa memendam rindu kepada keluarga dan kawan-kawan di Malaysia justeru tiada wang untuk tambang.

Tujuh tahun di perantauan telah mengajar Peter hidup berdikari. Cabaran-cabaran yang didepaninya di sana menjadikan Peter cukup bersedia untuk menempuh rintangan yang mendatang. Dugaan-dugaan yang ditempuhnya telah mendewasakan dan mematangkannya.

Sepulangannya dari Australia, Peter menjadi guru sandaran di St. Nicholas selama enam bulan. Sekolah St. Nicholas ketika itu diterajui oleh Encik W.G. Brohier dari Singapura. Berikutan daya usaha guru berkenaan, Peter telah diterima mengajar di Sekolah Menengah St. Mark, Butterworth.

Peter telah mencipta sejarah untuk orang-orang cacat penglihatan di Malaysia. Dia merupakan guru siswazah terlatih cacat penglihatan pertama yang diberi kepercayaan untuk mengajar sebuah sekolah menengah biasa. Peter amat menghargai kepercayaan itu meski ia datang bersama amanah dan tanggungjawab yang berat. Pun begitu, dia telah memikulnya sebaik mungkin selama tiga puluh tahun.

Banyak pengorbanan telah dilakukan dengan ikhlas dan rela demi kejayaan kerjayanya dan kejayaan anak-anak muridnya. Guru-guru lain menghabiskan cuti mereka dengan berehat, berkelah atau melancong. Peter menghabiskan cutinya dengan menyalin buku-buku teks dan buku-buku rujukan. Guru-guru lain dapat menikmati gaji mereka bersama keluarga. Peter terpaksa mengeneipkan sedikit pendapatannya untuk menggaji seorang pembantu. Dia memerlukan seorang pembantu untuk memeriksa buku latihan anak-anak didiknya, membacakan bahan-bahan cetak yang diperlukan olehnya dan menyediakan carta dan alat-alat pengajaran yang lain. Kerja yang monotonis ini menyebabkan pembantunya sering bertukar ganti.

Pertukaran pembantu dan perubahan sukatan pelajaran bahasa Inggeris dan sejarah yang diajarnya merupakan dua masalah utama yang didepaninya berulang kali. Namun, Peter menghadapi semua ini dengan fikiran terbuka meski ini bermakna dia terpaksa bekerja keras untuk menyediakan sukatan baru itu dalam bentuk Braille secepat mungkin bagi menjamin pengajarannya dan pembelajaran murid-muridnya tidak terjejas.

Sebagaimana guru-guru lain, Peter juga terpaksa berdepan dengan pelajar-pelajar yang pelbagai kerenah. Peter sentiasa mencari jalan menggunakan pelbagai pendekatan bagi memancing minat pelajar-pelajarnya. Adakalanya, dia boleh berlembut. Ada ketikanya pula dia terpaksa bersikap tegas. Murid-murid nakal yang tidak menyiapkan kerja rumah yang diberi akan didenda.

Dari semasa ke semasa, Peter juga tidak dapat mengelak daripada bertembung dengan ibu bapa murid-muridnya. Pernah sekali dia ternaik teksi yang dipandu oleh bapa salah seorang murid yang pernah didendanya. Peter menyangka bapa tersebut akan memarahinya kerana telah mendenda anaknya. Perkara sebaliknya terjadi. Bapa tersebut memuji tindakan Peter dan menganjurkan agar guru itu mengenakan hukuman yang lebih berat jika anaknya bersalah demi masa depan anaknya sendiri.

Peter juga telah berdepan dengan reaksi yang berbeza-beza daripada rakan-rakan sejawat dan pihak pentadbir Sekolah Menengah St. Mark yang sering bertukar ganti itu. Ada yang bersikap dingin. Tidak kurang pula yang sentiasa bersedia membantu Peter dalam segenap hal. Ada juga yang semacam melupakan kehadiran Peter. Semua ini tidak dianggap sebagai racun. Sebaliknya dianggap sebagai madu, asam dan garam dalam hidupnya.

Peter turut dilibatkan dalam kegiatan kokurikulum di sekolahnya. Dia dipertanggungjawabkan untuk menjadi guru penasihat persatuan-persatuan akademik di samping menjaga kebajikan para pelajarnya. Tugas ini dilakukan secepat mungkin

menyadari hakikat dia tidak dapat turun ke padang sebagai jurulatih sukan atau olahraga seperti guru-guru lain.

Berulang-alik saban hari dari Pulau Pinang ke Butterworth bukanlah mudah untuk Peter. Betapa dia terpaksa bergelut dengan masa setiap pagi untuk membolehkan dia sampai tepat pada waktunya. Begitupun, selama bertahun-tahun naik turun bas dan keluar masuk feri itu, Peter telah dapat meluaskan lingkungan sahabatnya. Dia telah bertemu ramai kenalan baru yang kemudiannya menjadi sahabat karibnya.

Sepanjang perkhidmatan Peter sebagai pendidik, dia hanya berkhidmat di sebuah sekolah. Peter telah bersara pada tahun 1997. Biarpun sudah melampaui 55 tahun, Peter tidak betah duduk berpeluk tubuh di rumah. Waktu lapang yang banyak terluang kini diisinya dengan perkara yang bermanfaat. Bakat muzik yang ada padanya tidak disia-siakan. Peter kini kerap mengiringi nyanyian di gereja dengan permainan pianonya.

Di samping itu, Peter juga tidak mahu ketinggalan dalam dunia ICT yang sedang berkembang pesat sekarang. Faktor usia bukanlah penghalang untuk Peter mengikuti secara dekat perkembangan komputer peribadi daripada DOS sehingga ke Windows, dari Word Star ke Word Perfect dan Microsoft Word, daripada perisian bersuara yang menggunakan voice synthesizer sehingga ke Window Eyes dan Jaws.

Peter telah menjadi model ikutan kepada ribuan pelajarnya yang kini telah bertebaran ke serata alam dan memegang berbagai jawatan. Pendidik berwibawa ini juga



seharusnya menjadi idola kepada semua guru cacat penglihatan. Sahsiahnya yang luhur, benteng ketahanan mentalnya yang teguh, dedikasinya pada tugas dan disiplin yang tinggi merupakan elemen-elemen penting yang perlu ada pada seorang guru. Elemen-elemen itulah juga yang menjadikan Peter Chin Peng Kong masih disegani dan dikagumi sehingga kini.